

Soalan 41 hingga 45:

Tandakan **A** pada situasi yang menunjukkan cara kemahiran berkata TIDAK kepada gangguan seksual dan penderaan seksual dan tandakan **B** bagi situasi yang sebaliknya.

41. Aini melaporkan kepada guru tentang tingkah laku beberapa orang murid lelaki yang sengaja menyentuhnya.
42. Azizi dan rakan-rakannya gemar menonton video lucah di kafe siber.
43. Shaiful membuat laporan polis tentang sekumpulan lelaki yang mengugut untuk melakukan penderaan seksual jika dia tidak memberikan wang kepada mereka.
44. Shilpa membiarkan sahaja dua orang penumpang lelaki menghimpitnya ketika dia menaiki bas.
45. Salina menolak pelawaan rakannya untuk melihat gambar yang kurang sopan.

Soalan 46 hingga 50:

Tandakan **A** pada pernyataan yang menunjukkan gangguan seksual dan tandakan **B** bagi pernyataan yang tidak menunjukkan gangguan seksual.

46. Mengeluarkan kata-kata lucah ketika berbual-bual dengan rakan atau melalui pesanan ringkas.
47. Bersalam dan mencium tangan ibu dan ayah serta adik-beradik kandung.
48. Membiarkan doktor menyentuh dan merawat bahagian-bahagian tertentu tubuh yang cedera.
49. Memakai pakaian yang mencolok mata ketika di tempat awam.
50. Membaca maklumat tentang gangguan seksual melalui internet demi menambah pengetahuan tentang aspek keselamatan diri.